

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA
DATO' HAJI TAHA
KETUA PENGARAH INSOLVENSI
(MdI)
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU BIL. 2/2017
14 FEBRUARI 2017 (SELASA), 8.30 PAGI

Terima kasih kepada pengacara majlis.



Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah hirabbil a'lamin wassalatuwassalam waala asyrafil
ambia iwalmursalin syayidina muhammadin wa ala alihi
wasahbihi wassalam

Yang Berbahagia Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua

Pengarah BHEUU,

YBhg. Datuk Haini Hassan, Ketua

Pengarah JBG YBhg Datuk-Datuk/Dr,

Pengarah-pengarah Bahagian dan Seksyen

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya bertemu lagi dalam Perhimpunan Bulanan BHEUU Bil.2/2017. Tahun 2017 telah sebulan berlalu tanpa kita sedari.

Saya pasti bahawa semua warga kerja menaruh harapan yang tinggi agar tahun 2017 ini akan membawa kejayaan yang lebih berbanding tahun 2016. Ini supaya ianya akan menjadi kebanggaan kepada kita semua sebagai penjawat awam.

Baru-baru ini kita telah digemparkan dengan beberapa kes rasuah berprofil tinggi yang melibatkan penjawat awam. Saya percaya dan yakin bahawa ini melibatkan sebahagian kecil sahaja penjawat awam. Bagaimanapun seperti kata peribahasa Melayu sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Saya khuatir sekiranya penjawat awam tidak memberikan respon yang positif ianya akan membawa persepsi negatif terhadap perkhidmatan awam. Salah satu cara untuk kita menangkis persepsi ini ialah menunjukkan ketelusan dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

YAB Perdana Menteri dalam ucapan beliau sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 9 Januari 2017 yang lalu, telah menetapkan supaya para penjawat awam melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan langkah-langkah yang telah ditentukan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta

Negara. Beliau mengatakan "Ini mesti kita jadikan sebagai bidang keutamaan kita." Fokus kita ini – delivery, delivery and delivery (penyampaian, penyampaian dan penyampaian). Perlu ditingkatkan di sini bahawa penyampaian bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi kita juga perlu pastikan ia mempunyai nilai tambah kepada rakyat, dan segala projek, yang telah dirancang itu sampai kepada rakyat.

Oleh itu, kita semua harus sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran seiring dengan harapan dan kehendak YAB Perdana Menteri. Cara pemikiran kita dan cara kita bekerja perlukan perubahan. Kita sebagai penjawat awam perlu dengan itu memastikan penyampaian perkhidmatan sebenarnya sampai kepada rakyat.

YBhg. Datuk/Dato'/Dr/tuan-tuan/puan-puan yang saya hormati,

Bagi mengukur kejayaan sesuatu penyampaian, kepuasan hati pelanggan kita amatlah penting. Kepuasan hati pelanggan menunjukkan peningkatan penyampaian perkhidmatan yang telah diberikan. Sekiranya pelanggan kita berpuas hati, warga kerja akan berasa gembira dan ini sekali gus akan mengurangkan aduan dan ketidakpuasan ke atas perkhidmatan.

Sebagaimana yang kita ketahui dan menjadi suatu kewajipan pada tiap-tiap permulaan tahun, perancangan berkenaan dengan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) perlulah dibuat. Sukacita diingatkan juga bahawa SKT ini perlulah selari dan selaras dengan peranan dan fungsi Jabatan bagi memastikan penyampaian yang

disarankan oleh YAB Perdana Menteri dapat dilaksanakan tanpa masalah.

Salah satu pendekatan yang boleh diambil untuk membantu kita menghadapi isu masalah ini ialah dengan menggunakan sistem perkongsian pintar.

Sehubungan itu, marilah kita semua mempertingkatkan azam supaya Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapat kejayaan yang lebih tinggi lagi. Saya percaya dengan usaha yang lebih gigih, kita akan mencapai kejayaan tersebut. Insya Allah tahun 2017 akan menjadi tahun yang cemerlang buat kita semua.

Akhir kata saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga kerja di atas sumbangan yang telah diberikan dalam menjayakan semua program sepanjang tahun 2016. Semoga semangat, kerjasama dan komitmen ini diteruskan pada tahun 2017.

Walaikumussalam Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.